

# Pak Lah Ulul Amri II silat lincah

KEPALA BATAS: Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam menerima anugerah Selendang Kehormat Tertinggi daripada Pertubuhan Seni Silat Lincah Malaysia (PSSLM) yang membawa gelaran Ulul Amri II.

Abdullah adalah individu kedua di negara ini yang menerima anugerah itu, sekali gus menerima tanjak, keris, selendang dan replika rumah adat PSSLM.

Anugerah disampaikan oleh Yang di-Pertua Negeri, Tun Abdul Rahman Abbas yang juga Ulul Amri I pada majlis Perhimpunan dan Penganugerahan Ijazah PSSLM Peringkat Kebangsaan 2004, di Padang Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Haji Ahmad Badawi, di sini.

Majlis yang dirasmikan Abdul Rahman turut dihadiri Mahaguru dan pengasas PSSLM, Datuk Omarudin Mauju.

Turut menerima anugerah daripada PSSLM adalah Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr Rais Yatim; Men-

teri Penerangan, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir; dan Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Noh Omar.

Penerima lain Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon; Timbalan Ketua Menteri, Datuk Abdul Rashid Abdullah; Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Datuk Dr Hilmi Yahaya dan Exco Kerajaan Pulau Pinang, Datuk Jahara Hamid.

Turut menerima ialah Presiden Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka), Tan Sri Muhammad Muhd Taib; Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Zulhasnan Rafique dan Pengarang Kumpulan Berita Harian Sdn Bhd (BHSB), Hisyamudin Aun.

Sementara itu, dalam ucapan amanatnya selepas menerima anugerah, Abdullah mahu lebih ramai generasi muda menyertai kegiatan mempertahankan diri termasuk seni silat kerana ia mampu membentuk jati diri, disiplin dan pekerti mulia.

Katanya, ia sekali gus menyumbangkan ke arah melahirkan masya-



ABDULLAH menerima keris daripada Abdul Rahman pada majlis Penganugerahan Ijazah PSSLM di Kepala Batas, semalam. - Gambar oleh Fariz Iswadi

rakat berdisiplin dengan mematuhi peraturan dan tatasusila agama serta budaya.

"Saya berpendapat penyertaan dalam seni silat menjadi satu lang-

kah pendedahan ke arah melahirkan generasi muda yang memiliki sifat dan imej pekerti yang baik.

"Kerajaan amat bangga dengan golongan muda yang menyer-

tai kegiatan berkenaan kerana dapat menghindarkan diri daripada kegiatan yang tidak bermoral sehingga menyebabkan keruntuhan akhlak,' katanya.